

Panduan Menjawab Soalan Pemahaman Petikan (Objektif Aneka Pilihan)

1. Murid dinasihati supaya membaca arahan soalan terlebih dahulu sebelum menjawab soalan.
2. Bagi soalan objektif aneka pilihan, murid perlu membaca bahan KOMSAS yang diberikan untuk mendapatkan gambaran tentang kandungan petikan.
3. Baca semua soalan yang dikemukakan dengan teliti dan gariskan kata kunci soalan atau kehendak soalan.
4. Kemudian, baca semua pilihan jawapan dan pilih satu jawapan yang paling tepat.
5. Abaikan atau potong pilihan jawapan yang tiada kaitan dengan soalan dan petikan.
6. Buat pilihan jawapan yang tepat dan muktamad.
7. Murid perlu menguasai antologi dan novel tingkatan 1 serta memberikan tumpuan terhadap aspek-aspek KOMSAS, iaitu sinopsis, tema, persoalan, watak dan perwatakan, latar, plot, teknik plot, gaya bahasa, nilai, dan pengajaran.

PETIKAN PROSA MODEN – CERPEN**LATIHAN 1** Oren

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

Isterinya hairan kerana suaminya tiba-tiba membawa pulang seekor anak kucing. Isterinya tahu bahawa dia tidak berminat untuk memelihara kucing kerana telah beberapa kali anaknya, Azura dan Anis meminta ibunya untuk memelihara haiwan tersebut tetapi dia tidak membenarkannya. Hanya pada malam harinya barulah dia menceritakan perkara yang terjadi untuk menjawab kehairanan isterinya itu. Isterinya mengerti dan memberikan kasih sayang kepada Oren sebagai sebahagian daripada ahli keluarga mereka.

Sekarang, dia hanya menunggu kepulangan Oren. Dia ingin mengotakan janjinya kepada dirinya dahulu sewaktu membawa Oren pulang. Dahulu, dia berjanji untuk memelihara Oren seperti anaknya sendiri. Janjinya itu adalah untuk *menebus kesalahan* dirinya yang mengakibatkan Oren kehilangan ibunya. Segala egonya dahulu yang tidak membenarkan anak-anaknya memelihara kucing telah dipadamkan. Sebaliknya, dia yang membawa Oren pulang ke rumah.

Tetapi dia tidak menyangka bahawa selepas kehadiran Oren dia akan membawa pulang Kelabu sebagai sebahagian daripada ahli keluarganya. Kelabu ditemukan sewaktu anak kucing jantan itu mengekorinya yang sedang menuju ke kereta dan hendak pulang ke rumah. Dia memungut Kelabu untuk menjadi teman Oren bermain.

Dipetik daripada cerpen 'Oren', Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Mengapakah 'dia' sanggup membuang egonya demi Oren?
- A Dia menyesal kerana tidak menyelamatkan ibu Oren.
 - B Dia mahu menunaikan permintaan anak-anaknya yang ingin memelihara kucing.
 - C Dia dibelenggu perasaan bersalah atas kesilapannya yang menyebabkan kematian ibu Oren.
 - D Dia memisahkan Oren dengan ibunya dengan mengambilnya daripada tuannya.
2. Maksud rangkai kata *menebus kesalahan* ialah
- A berbuat baik untuk memohon ampun.
 - B berbuat jasa untuk menghapuskan dosa.
 - C membayar wang untuk mendapatkan semula.
 - D mengeluarkan belanja untuk mendapatkan sesuatu.

3. Nyatakan teknik penceritaan yang digunakan dalam perenggan akhir petikan cerpen di atas.
- A Dialog
 - B Pemerian
 - C Imbas muka
 - D Imbas kembali
4. Dahulu, dia berjanji untuk memelihara Oren seperti anaknya sendiri.

Apakah gaya bahasa yang terdapat dalam ayat di atas?

- A Simile
 - B Kata ganda
 - C Personifikasi
 - D Simpulan bahasa
5. Yang berikut ialah pengajaran cerpen **kecuali**
- A kita hendaklah sabar dalam menempuh setiap ujian hidup.
 - B kita hendaklah bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu perkara dan tidak menganiaya orang lain.
 - C kita hendaklah mengamalkan sifat baik hati dalam diri demi menjamin kesejahteraan hidup.
 - D kita hendaklah mengamalkan sikap kasih sayang sesama makhluk baik manusia mahupun haiwan.